


RISALAH MAKLUMAT UNTUK PESAKIT

# BENZYDAMINE



SINGHEALTH / PIL / M83R0



## MENGENAI ubat anda

Benzydamine mempunyai ciri-ciri untuk menghilangkan kesakitan, mengurangkan inflammasi serta menurunkan suhu badan. Ubat ini banyak digunakan untuk merawat kesakitan inflammasi pada mulut dan tekak termasuk tonsilitis, sakit tekak dan mucositis.

## BAGAIMANA cara untuk saya mengambil ubat ini?

Benzydamine didapati dalam 2 bentuk:

- Pencuci mulut
- Lozeng

### Pencuci mulut:

Untuk orang dewasa, cuci mulut dengan 10-15 ml setiap 1.5-3 jam atau seperti yang dicadangkan oleh doktor.

Untuk kanak-kanak, cuci mulut dengan 5-10ml setiap 1.5-3 jam atau seperti yang dicadangkan oleh doktor.

Kumur dengan larutan atau mencuci di sekeliling mulut dan tekak, sekurang-kurangnya 30 saat, kemudian meludah keluar.

### Lozeng:

Hisap 1 lozeng setiap 1 -2 jam. Maksima 12 lozeng sehari.

## Apa yang patut saya buat jika saya TERLUPA satu dos?

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa dan ambil dos berikutnya seperti yang dijadualkan. Jangan gandakan dos anda demi menggantikan dos yang terlupa.

## Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin berlaku apabila mengambil ubat ini?

Selepas penggunaan ubat-ubat ini, mulut mungkin akan berasa kebas. Ini tidak membahayakan dan rasa ini akan hilang.

Kadang-kala, sesetengah orang mungkin berasa menyucuk pada mulut semasa pertama kali menggunakanya. Jika ini berlaku kepada anda, cuba cairkan dos anda yang seterusnya dengan air untuk mengurangkan kesan ini.

Perubahan rasa, perasaan menyucuk, kekeringan atau dahaga dan rasa panas pada mulut.

Selepas pengambilan dengan mulut, kesan-kesan sampingan yang paling biasa adalah ketidakselesaan usus dan perut.

## Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- Anda mengalami alahan terhadap sebarang ubat.
- Anda menghidapi penyakit-penyakit lain

Berhati-hati supaya larutan tidak terkena mata. Jika ini berlaku, cuci mata anda dengan segera menggunakan air sejuk.

Jangan menelan larutan. Jika dos biasa 15ml ditelan dengan tidak sengaja, anda tidak perlu bimbang kerana ini tidak mungkin menyebabkan sebarang masalah. Jika sukanan yang lebih besar ditelan, anda patut menghubungi doktor anda atau pergi ke hospital yang berdekatan.

Jangan menggunakanya berterusan melebihi 7 hari. Jumpa doktor anda jika keadaan anda bertambah buruk atau tidak bertambah baik.

## Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat ini?

Simpan ubat di tempat yang kering dan dingin. Lindungi ubat daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari langsung.